

RONDAAN DAN PEMANTAUAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR DI DAERAH KUALA MUDA, KEDAH  
19 September 2025 - Sungai Petani, Kedah

Pasukan penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar (JAS) Cawangan Sungai Petani telah menjalankan penguatkuasaan dan pemantauan pencemaran alam sekitar di Daerah Kuala Muda melibatkan Kawasan Perindustrian Bakar Arang, Kawasan Tikam Batu dan Kawasan Perindustrian Gurun selain tapak-tapak pembinaan dan hotspot pembakaran terbuka di kawasan Daerah Kuala Muda terutama sekitar Bandar Sungai Petani, Laguna Merbok dan Taman Intan. Pemantauan juga dibuat ke atas buangan sitaan JAS dalam operasi sebelum ini.

Keberadaan pegawai JAS di lapangan terutama pada cuti mingguan dapat menghindari kegiatan haram pelupusan buangan terjadual, aktiviti pembakaran terbuka oleh pihak yang tidak bertanggungjawab serta bagi mengesan sebarang aktiviti pelepasan effluen dan pelepasan bendasing ke udara oleh premis-premis yang tidak mematuhi had yang ditetapkan JAS.

#NRES

#jabatanalamsekitar

#jaskedah #jassungaipetani

#alamsekitartanggungjawabbersama